

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH : 11.6.2015**

**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang diambil untuk membaiki Sekolah Kebangsaan Taman Sungai Besi Indah dan untuk memastikan gangguan yang minimum kepada jadual kelas pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memutuskan untuk mengosongkan keseluruhan premis SK Taman Sungai Besi Indah setelah mengambil kira syor pengosongan bangunan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dan turut mendapat persetujuan bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Syor daripada JKR Malaysia dan MPSJ tersebut dibuat susulan masalah keretakan bangunan dan mendapan tanah yang berlaku di premis sekolah disebabkan kerja-kerja pembinaan bersebelahan premis sekolah oleh pemaju iaitu Syarikat Bluedream City Development Sdn Bhd.

Susulan keputusan tersebut, operasi sekolah telah dipindahkan sementara ke sebuah lot industri yang disewa beralamat di Lot 1829, Batu 12, Jalan Sungai Besi, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dengan jarak 3 KM daripada sekolah asal. Kerja-

kerja pengubahsuaian dan pemindahan barang dan peralatan dari sekolah asal ke premis sekolah sementara telah selesai dilaksanakan pada 10 Mei 2015. Operasi sekolah di premis sementara telah bermula pada 11 Mei 2015.

Bagi premis sekolah asal yang telah dikosongkan, pihak JKR Malaysia telah dilantik sebagai penasihat teknikal kepada kerajaan untuk melaksanakan penilaian terperinci tahap kerosakan bangunan dan anggaran kos kerugian serta syor kaedah pembaikan / gantian penuh untuk dikemukakan kepada pihak pemaju kelak.

KPM juga telah mengemukakan notis tuntutan awalan kepada Syarikat Bluedream City Development Sdn Bhd pada 22 April 2015 bagi menuntut kos ganti rugi yang ditanggung seperti kos pemindahan operasi ke premis sementara, kos penyewaan premis sementara, kerosakan bangunan dan lain-lain kos berkaitan.

RJM83